

## **PENDEKATAN ISLAM DALAM MELAHIRKAN AKAUNTAN YANG BERINTEGRITI**

**Mohd Isa Mohd Deni**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
mohdisa@kuis.edu.my

**Norhanizah Johari**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
norhanizah@kuis.edu.my

**Nazifah Mustaffha**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nazifah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

*Sejak akhir-akhir ini sering diperkatakan isu salah laku yang terjadi di dalam industri kewangan dan perniagaan. Banyak kes yang berlaku dikaitkan dengan isu integriti di kalangan mereka yang terlibat secara langsung dengan bidang perakaunan. Dalam menangani hal ini, pendidikan dilihat merupakan salah satu elemen penting untuk melahirkan akauntan yang berintegriti tinggi. Islam sebagai agama yang syumul dan mementingkan nilai-nilai fitrah telah menyediakan panduan yang sangat signifikan dalam mencorakkan sistem pendidikan untuk melahirkan individu yang ideal. Kajian ini akan membincangkan beberapa dapatan daripada pelbagai penulisan dan temu bual yang dilakukan terhadap beberapa sarjana pendidikan Islam dan perakaunan serta agensi akreditasi dan profesional yang berkaitan untuk melihat sejauh mana pendekatan Islam boleh dilakukan dalam membentuk akauntan yang berintegriti tinggi.*

**Kata Kunci:** *Akauntan, pendidikan, Islam, Integriti*

---

### **1.0 PENDAHULUAN**

Isu-isu etika, tadbir urus dan kebertanggungjawaban semakin banyak timbul dalam dunia perniagaan. Keruntuhan syarikat-syarikat korporat gergasi hampir di seluruh dunia didakwa sebagai hasil daripada perlakuan tidak beretika, salah laku profesional dan penyelewengan dalam laporan-laporan kewangan mereka. Hal ini berlaku kepada Enron, Transmiles, PKFZ, Sime Darby dan MAS disebabkan perilaku tidak beretika dalam profesion perakaunan. Seperti yang didakwa oleh ramai pengkaji, aktiviti-aktiviti penipuan dalam bidang perakaunan menunjukkan kegagalan dalam pendidikan perakaunan. Ia dianggap sebagai punca asal kelakuan tidak bermoral ini. Hal ini berlaku disebabkan oleh kekurangan nilai-nilai moral diterapkan dalam tahap pendidikan. Sesungguhnya, pendidikan perakaunan sangat memerlukan nilai-nilai moral untuk melahirkan akauntan yang beretika sebagai sebahagian daripada masyarakat (Yunanda & Majid, 2011).

## 2.0 PERANAN PENDIDIKAN

Institusi pengajian tinggi adalah pemain penting dalam melahirkan bakat-bakat profesional dalam pelbagai bidang dari aspek ekonomi. Para graduan perakaunan atau kursus lain yang berkenaan adalah input ke dalam bidang yang sangat diperlukan oleh industri ini. Oleh itu, peranan pendidikan semakin penting sebagai satu cara untuk memupuk tingkah laku yang baik dalam kalangan akauntan untuk melengkapinya langkah kawal selia yang ada (Salleh & Ahmad, 2012). Pendidikan etika dalam perakaunan seharusnya bermula dengan pengajaran nilai-nilai murni dan rasa kebertanggungjawaban (*accountability*) bukan bergantung kepada kod etika profesional dan peraturan (Rahman, 2003).

Pada masa ini, institusi pendidikan dan badan-badan profesional termasuk kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk memperbaiki tingkah laku dan etika terhadap bakal-bakal akauntan tempatan dan antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa isu-isu etika dalam perakaunan korporat dan perniagaan global memerlukan perhatian segera sama ada daripada badan-badan kawal selia atau pihak berkuasa pendidikan. **Tujuan kajian ini** adalah untuk meneroka kaedah bagaimana untuk meningkatkan nilai-nilai etika dan moral **bakal-bakal akauntan** bermula di peringkat pendidikan tinggi agar mereka dapat khidmat yang diberikan kepada masyarakat dirasakan sebagai satu tanggungjawab.

## 3.0 ETIKA DAN PENDIDIKAN PERAKAUNAN

Skandal perakaunan dalam tahun-tahun 2000 telah memberi kesan yang sangat besar kepada reputasi profesion perakaunan. Masyarakat merasakan bahawa skandal-skandal tersebut berlaku disebabkan kurangnya etika dalam bidang itu. Pendidikan perakaunan dianggap punca utama masalah ini (Russell & Smith, 2003).

Disebabkan skandal-skandal tersebut, banyak badan profesional mula mengambil tindakan memasukkan pendidikan berkaitan etika dalam persijilan profesional perakaunan. Sebagai contoh, The American Institute of Certified Public Accountants (AICPA), the American Accounting Association (AAA), the Accounting Education Change Commission (AECC), and the National Commission on Fraudulent Financial Reporting (NCFRR) semuanya telah menggesa agar pendidikan berkaitan etika di dalam kelas dipertingkatkan. Namun, walaupun selepas skandal perakaunan pada awal tahun 2000, perubahan yang benar-benar bermakna belum dibuat untuk menggabungkan etika ke dalam kurikulum perakaunan (Blanthorne, Fisher & Kovar, 2007).

Walau bagaimanapun, terdapat banyak program perakaunan yang terus berusaha untuk memasukkan unsur etika dalam kurikulum mereka secara berkesan. Keberkesanan dan kecekapan adalah berbeza disebabkan oleh beberapa faktor seperti kuantiti masa yang ditumpukan kepada etika pengajaran dalam program perakaunan (Madison, 2001; Blanthorne et al., 2007; Klimek & Wenell, 2011).

Dari aspek pedagogi, etika profesion perakaunan ini adalah berasaskan dua bidang: (i) nilai-nilai teras integriti, kecekapan dan objektif; dan (ii) komitmen untuk menjalankan perniagaan dengan mendukung kepercayaan orang ramai (Apostolou, et al., 2013). Dalam usaha untuk memenuhi kedua-dua bidang tersebut, objektif pembelajaran etika perakaunan mesti ditetapkan dengan jelas. Apostolou, et al. (2013) menggariskan beberapa objektif

pembelajaran yang merangkumi perkara-perkara berikut: (i) mencapai pengetahuan etika, (ii) meningkatkan sensitiviti beretika, (iii) membangunkan kesedaran etika, (iv) membangunkan pemikiran etika atau moral, (v) meningkatkan etika membuat keputusan atau penghakiman, (vi) meningkatkan etika membuat keputusan atau penghakiman, (vii) memastikan pelajar dapat mengenal pasti isu-isu etika, (viii) mengaplikasi prinsip-prinsip etika untuk membuat keputusan perniagaan yang beretika, dan (x) mendedahkan pelajar kepada teori-teori etika, konsep, nilai, dan rangka kerja berasaskan peraturan untuk menganalisis dan menyelesaikan dilema etika.

Kidwell et.al (2013) juga bersetuju bahawa menentukan objektif pembelajaran yang khusus untuk pendidikan etika perakaunan adalah sangat penting. Mereka telah membangunkan objektif pembelajaran untuk pendidikan etika perakaunan dalam enam bidang kandungan. Ia adalah kod tatalaku etika, tadbir urus korporat, profesion perakaunan, perkembangan moral, teori etika klasik dan model keputusan. Pengetahuan asas ini perlu ditentukan dengan jelas dan harus disampaikan kepada pelajar sebelum perbincangan dalam kelas peringkat tinggi bermula. Di samping itu, pencapaian objektif pembelajaran adalah penting untuk membangunkan alat penilaian yang bermakna.

#### **4.0 PERAKAUNAN DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM**

Sistem perakaunan dan perniagaan Islam mempunyai identiti tersendiri kerana aspek akauntabiliti adalah sangat penting di dalamnya, ia bukan sahaja kepada majikan tetapi kepada Tuhan yang merupakan pemilik sebenar dunia dan alam semesta (Mervyn K. Lewis, 2001). Pada asasnya, pembangunan disiplin perakaunan dalam Islam harus berdasarkan peruntukan undang-undang Islam bersama dengan prinsip-prinsip perlu lain yang mematuhi syariah. Prinsip-prinsip Islam seperti bebas riba, zakat dan method perniagaan tertentu (Judi dan Karim, 1986) mempunyai kesan langsung kepada dasar perakaunan dan prinsip-prinsipnya. Secara khusus, Maliah (2005) mencadangkan bahawa untuk memahami bagaimana Islam mempengaruhi perakaunan pengurusan, seseorang perlu menghayati konsep akauntabiliti dan tanggungjawab dalam Islam.

Daripada perspektif Islam, perakaunan sebenarnya mempunyai kedudukan yang sangat istimewa. Hal ini sangat terserlah apabila al-Quran menghuraikan dengan sangat terperinci dan panjang berkaitan dengan perakaunan, khususnya soal hutang piutang dalam surah al Baqarah ayat 282.

#### **5.0 PENDEKATAN ISLAM DALAM MELAHIRKAN AKAUNTAN BERINTEGRITI**

Etika adalah nama umum yang biasa digunakan untuk menggambarkan nilai tingkah laku seseorang. Nilai etika ditentukan oleh piawaian manusia, sama ada benda, perkataan atau perbuatan itu dianggap baik atau sebaliknya, memudaratkan atau dikeji. Memahami nilai etika dalam Islam tidak berdasarkan pada penilaian akal semata-mata atau penghargaan variasi budaya semata-mata, sebaliknya ia mencerminkan keperluan manusia untuk dibimbing dengan hujah-hujah yang munasabah yang diperolehi daripada al-Quran dan al-Sunnah (Shuhairimi, 2009)

Dalam Islam etika ditakrifkan sebagai akhlak (jamak dari *khuluq*) yang bermaksud watak, sifat dan pembawaan seseorang. Perkataan akhlak mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan *Khaliq* perkataan (Pencipta) dan *makhluk* (makhluk). Oleh itu, akhlak difahami sebagai hubungan yang baik antara *Khaliq* dengan *makhluk* dan antara *makhluk* dengan *makhluk* sendiri. *Akhlaq* pada pandangan al-Ghazali berakar umbi dalam jiwa dan dimanifestasikan melalui tindakan manusia. Roh yang baik akan menghasilkan amalan yang betul dan sebaliknya. Al Ghazali mentakrifkan etika Islam atau *ilm al-akhlaq* sebagai cara untuk memperoleh kesejahteraan jiwa dan untuk membimbing ia terhadap maksiat (Fatimah, 2014). Antara ciri-ciri akhlak Islamiah ialah (Fatimah, 2014):

- a. Mengajak melakukan kebaikan atau kebajikan dan orang menahan diri daripada melakukan perbuatan buruk atau maksiat.
- b. Al-Quran dan As-Sunnah perlu menjadi sumber utama akhlak Islam. Sumber-sumber utama akhlak Islam adalah petunjuk Ilahi seperti yang digambarkan dalam ayat-ayat Al-Quran dan juga dalam ajaran terperinci Rasulullah (SAW).
- c. Komprehensif dan universal kepada semua manusia, tanpa mengira tempat dan zaman. Akhlak Islam adalah relevan untuk semua keadaan.
- d. Sesuai dengan fitrah manusia. Akhlak Islam memberi penuh perhatian kepada kehendak dan sifat-sifat manusia secara semula jadi, bukan bersifat kontradik.
- e. Konsisten dan tetap pada prinsip. Walaupun Islam meraikan kepelbagaian dalam aspek cabang (*furu'*) dan bertolak ansur dengan budaya dan adat, ia masih tertakluk kepada prinsip-prinsip tetap yang tidak berubah.

Untuk melahirkan manusia yang mulia akhlak dan peribadinya, Islam telah menyediakan garis panduan yang sangat jelas dalam melalui ajaran Rasulullah SAW. Ini terbukti dalam al-Quran melalui ayat berikut yang bermaksud:

*“Sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”*  
(Al Ahzab, 33:21)

Daripada Abu Hurairah RA pula bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak.”*  
(Riwayat al hakim)

Salah satu pendekatan yang ditunjukkan oleh Islam untuk melahirkan insan profesional yang berintegriti tinggi ialah melalui pendidikan akhlak yang sempurna. Daripada perspektif Islam, pendidikan merupakan salah satu aspek yang sangat penting untuk membentuk peribadi manusia. Bermula daripada individu yang baik, akan terhasil keluarga yang bahagia, kemudian masyarakat yang sejahtera dan seterusnya ummah yang berjaya. Sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah berjaya merubah bangsa Arab daripada keadaan hidup jahiliah dan tidak bertamadun kepada bangsa yang sangat berjaya malah menguasai dunia pada suatu ketika. Ini semua hasil tarbiah yang dilakukan oleh beliau berpandukan wahyu daripada Allah Taala yang sangat sempurna.

Pendidikan asas di rumah sangat penting sebelum anak-anak diserahkan kepada institusi pendidikan yang lain. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Setiap anak Adam dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci), maka ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”*  
(Riwayat al Bukhari)

Ilmu paling asas yang perlu diberikan kepada anak-anak ialah ilmu aqidah dan akhlak. Melalui ilmu aqidah, manusia yakin terhadap kewujudan Tuhan serta balasan baik dan buruk, syurga dan neraka yang semuanya bersifat metafizik. Keyakinan ini akan mencorakkan dirinya untuk mengaplikasikan nilai-nilai murni yang dipandu oleh ilmu akhlak pula. Justeru, dalam usaha untuk melahirkan akauntan yang profesional dan berintegriti, pendidikan yang mantap perlu diberikan kepada bakal-bakal akauntan seawal mungkin.

## **6.0 ASPEK-ASPEK PENTING PENDIDIKAN AKHLAK**

Dalam usaha melahirkan akauntan yang berintegriti tinggi, pendidikan akhlak sangat penting untuk dilaksanakan. Daripada hasil kajian yang dilakukan, beberapa aspek dalam pendidikan ini perlu dipertimbangkan antaranya adalah seperti berikut:

### **6.1.1 TAHAP PENGAJIAN**

Dari aspek tahap pengajian, akhlak perlu diajar sejak dari peringkat asas pengajian dan berterusan sehingga peringkat diploma, sarjana muda dan peringkat profesional. Pada peringkat asasi dan diploma, pengajian akhlak secara umum perlu diperkenalkan kepada pelajar, setelah itu pengajian akhlak bersifat perbandingan agama boleh dimasukkan. Justeru, ia boleh dilaksanakan sebagai subjek merentas kursus dan boleh dimasukkan dalam kursus-kursus lain yang relevan (Halim Tamuri, 2015).

Lebih jauh lagi, sebenarnya pengajaran akhlak perlu didedahkan sejak awal pengajian, malah di peringkat sekolah rendah. Akhlak ini meliputi hubungan vertikal (manusia dengan Tuhan) dan hubungan horizontal (manusia dengan manusia) secara tabii. Apabila manusia mempunyai akauntabiliti dengan Tuhan, secara automatik dia juga akan ada akauntabiliti dengan manusia (Sidek, 2015).

Ini selari dengan konsep pendidikan yang bermula seawal ‘dalam buaian hingga ke liang lahad’. Seperti yang telah dinyatakan di atas, anak-anak lahir dalam keadaan suci, ibu bapalah yang mencorakkannya sejak kecil. Contoh paling mudah ialah dalam pengajaran solat, Nabi Muhammad SAW meminta ibu bapa menyuruh anak-anak mereka mendirikan solat seawal umur tujuh tahun walaupun kewajipan tersebut terpakai apabila usia mencapai akil baligh. Apabila mencapai usia sepuluh tahun, didikan tegas menggunakan rotan boleh digunakan (Nasih Ulwan, 2002).

### **6.1.2 PENGAJARAN BERSIFAT SEPADU**

Dari aspek pembahagian ilmu, cara terbaik pengajaran akhlak ialah dengan mengintegrasikannya (sepadu) dengan kursus-kursus lain. Untuk itu, semua pengajar yang

berkaitan mesti didedahkan dengan ilmu akhlak dan isu-isunya. Akhlak sepatutnya tidak diajar terpisah dengan kursus-kursus lain kerana ia seolah-olah memisah-misahkan ilmu, maka tentulah pelajar sukar untuk mengaitkan akhlak dengan ilmu-ilmu lain. Secara teknikal, langkah-langkah berikut boleh dilaksanakan dalam pembinaan silibus (Abd.Halim, 2015):

- a. Mengintegrasikan akta perakaunan atau standard dengan aspek nilai.
- b. Membincangkan sesama pengajar perakaunan tentang akta yang sesuai yang perlu diintegrasikan dengan kursus tertentu.
- c. Memasukkan topik 'Profesionalisme Dalam Perakaunan' kepada pelajar.
- d. Di akhirnya, pelajar diminta untuk melaporkan bagaimana mereka boleh mengaitkan aspek akhlak dalam latihan industri mereka.

Subjek akhlak juga boleh diajar dalam dua siri pengajaran iaitu secara teori (sekurang-kurangnya dua bab) dan bab seterusnya boleh dilakukan secara praktikal (dikaitkan langsung dengan bidang perakaunan). Akhlak boleh diajar juga kepada pelajar Islam dan bukan Islam. Kepada pelajar yang beragama Islam akhlak boleh diajar meliputi nilai-nilai unggul dalam akhlak termasuklah unsur tauhid dan aqidah, manakala bagi pelajar bukan Islam diajarkan nilai-nilai akhlak sejagat yang boleh dikongsi bersama. Pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan akhlak perlu dimasukkan dalam pengajaran tersebut seperti ayat mengenai akauntabiliti, amanah, integriti, ketelusan, keikhlasan, keadilan dan sebagainya, justeru pengajaran tersebut benar-benar dapat dihayati (Sidek, 2015).

Salah satu unsur yang dapat dilihat dengan jelas dalam ideologi sekularisme ialah pemisahan nilai-nilai keagamaan dengan aspek keduniaan. Keadaan ini berlaku secara berleluasa dalam sistem pendidikan dunia moden yang akhirnya melahirkan berbagai-bagai skandal seperti yang telah disebutkan di awal tadi. Ini semua bertentangan dengan ajaran Islam yang sifat syumul (*comprehensive*). Sistem pendidikan Islam menyepadukan dan mengintegrasikan nilai-nilai keagamaan dengan aspek keduniaan tanpa pemisahan, justeru manusia diseru untuk meneroka segala ilmu di dunia, namun segalanya hendaklah dikaitkan dengan agama kerana matlamat akhir hidup manusia ialah untuk mencapai kejayaan sebenar di akhirat (Muhammad Mumtaz Ali, 2014).

### **6.1.3 PENDEKATAN PENGAJARAN**

Dari aspek pendekatan, pengajaran akhlak boleh dilakukan dengan kaedah Pengajaran Berasaskan Masalah (*PBL-Problem Based Learning*). Sebagai contoh, pengajar mencipta beberapa isu akhlak dan dikaitkan dengan dalil-dalil dalam al-Quran dan hadis. Ia juga boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah Pengajaran Berasaskan Masalah Sebenar (*APBL – Authentic Problem Based Learning*) iaitu mengambil kes-kes sebenar dan melihat implikasi daripada masalah tersebut. Kedua-dua kaedah itu sebenarnya boleh dikaitkan dengan penyelesaian menurut Islam. Institusi pengajian juga boleh menjemput pihak-pihak luar yang sesuai untuk berkongsi pengalaman dan senario sebenar yang berlaku dalam industri, oleh itu pengajian tidaklah hanya berkisar di dalam kelas-kelas sahaja (Abd.Halim, 2015).

PBL atau APBL bukanlah perkara asing dalam sistem pendidikan Islam. Terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang meminta manusia mengambil iktibar daripada berbagai-bagai kisah benar yang pernah berlaku kepada umat-umat terdahulu. Peristiwa yang berlaku kepada kaum Nabi Nuh AS, kaum Nabi Luth AS, kaum Nabi Saleh AS, kaum Nabi Musa AS dan banyak lagi dibawakan oleh Allah Taala dalam al-Quran berulang-ulang kali untuk mendidik



manusia agar menjauhi perbuatan-perbuatan keji dan menyeleweng yang pernah mereka lakukan kerana akibatnya sangat dahsyat. Teknik ini juga yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam mentarbiyah para sahabatnya sehingga berjaya mengubah mereka daripada keadaan jahil kepada hidup yang lebih bertamadun (Abu Ghuddah, 2001).

#### **6.1.4 TENAGA PENGAJAR**

Dari aspek kewajaran untuk mengajar subjek akhlak ini, Abd.Halim (2015) berpandangan, pensyarah perakaunan sendiri lebih layak untuk melaksanakannya. Ini kerana mereka lebih memahami isu-isu yang berkaitan etika dalam perakaunan secara teori dan praktikal. Menurut beliau, secara umum akhlak boleh diajar oleh semua orang, tetapi apabila ia dikaitkan dalam bidang tertentu yang lebih spesifik maka pengajar di bidang tersebut lebih sesuai untuk mengajarnya.

Namun Sidek (2015) pula memberi panduan mengikut keutamaan mengenai siapa yang lebih wajar untuk mengajar subjek akhlak. Keutamaannya adalah seperti berikut:

- a. Ahli falsafah atau pensyarah di bidang agama yang mempunyai kefahaman asas berkenaan perakaunan.
- b. Pensyarah perakaunan yang mempunyai kefahaman mengenai akhlak.
- c. Pensyarah sains kemanusiaan.

Dalam Islam, kelayakan untuk mengajar akhlak tidak dikhususkan kepada sesiapa tetapi yang lebih utama ialah mereka yang berilmu dan faham mengenai akhlak Islamiah. Jika seseorang yang mempunyai ilmu akhlak Islamiah yang mantap, dalam masa yang sama mahir dengan selok belok ilmu perakaunan maka itu lebih baik. Contoh yang sangat jelas ialah para sahabat Rasulullah SAW sendiri yang pernah terlibat dengan berbagai-bagai kerjaya seperti petani dan peniaga. Mereka sangat faham apakah yang dikatakan akhlak Islamiah dan mampu mempraktikkan dalam segenap aktiviti kehidupan sesuai dengan kerjaya masing-masing, dalam masa yang sama mereka menyebarkan kecantikan ajaran Islam itu kepada orang lain. Ringkasnya mereka yang layak mengajar tentang akhlak ialah mereka yang memahami ilmu tersebut, lebih utama lagi bagi mereka yang mampu menguasai kedua-dua bidang itu. Namun yang lebih penting ialah pengajarnya sendiri sepatutnya mampu menghayati dan mengamalkan akhlak yang baik agar ia menjadi *role model* kepada pelajar-pelajar (Zaharah Hussin, 2005).

#### **7.0 CABARAN**

Keadaan sistem pendidikan sedia ada yang bersifat terpisah antara satu dengan lain merupakan antara cabaran utama, sedangkan dalam Islam konsep pendidikannya adalah bersepadu antara agama dan keduniaan. Senario ini berlaku sejak peringkat pendidikan rendah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi dan bukan mudah untuk diubah. Di samping itu, subjek akhlak sering dilihat sebagai kaku dan membosankan, justeru pengajarnya perlu bijak untuk menjadikan subjek ini ‘hidup’. Masalahnya, tidak ramai pengajar yang mampu melakukan demikian.

## 8.0 KESIMPULAN

Pendidikan etika atau akhlak merupakan perkara yang sangat penting untuk diberi perhatian demi melahirkan akauntan yang berintegriti tinggi. Islam sebagai agama yang syumul telah menyediakan garis panduan yang sangat komprehensif untuk melahirkan insan profesional yang cemerlang bukan hanya dalam kerjaya tetapi juga pada keperibadiannya. Justeru, pendekatan yang dibawa oleh Islam ini sangat wajar diutamakan demi menyelesaikan berbagai-bagai krisis yang berlaku dalam dunia perakaunan dan korporat sejak sekian lama.

## RUJUKAN

1. Abd.Halim Tamuri, Prof.Dato' Dr. (2015) Temubual di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada 26 Mei 2015.
2. Abdul Fattah Abu Ghuddah (2001) Nabi Muhammad, Guru dan Pendidik Terulung (terj. Shuhadak Mahmud) Al Azhar Media, Seremban.
3. Abdul Rahim Abdul Rahman (2003) Ethics in Accounting Education: Contribution of the Islamic Principle of Muamalah, IIUM Journal of Economics and Management 11, no. 1 (2003).
4. Abdullah Nasih Ulwan (2002) Pendidikan Anak-anak Dalam Islam (terj. Syed Ahmad Semait) Pustaka Nasional, Singapura.
5. Arfah Salleh & Aziuddin Ahmad. (2012). A Scientific Worldview of Accounting Ethics and Governance Education: The Right footing of International Education Standard 4, But... Asian Academy of Management Journal, 17(1), 131–150.
6. Barbara Apostolou, Richard B. Dull and Lydia L. F. Schleifer. (2013). Framework for Pedagogy of Accounting Ethics. Accounting Education: an International Journal, 22(1), 1–17.
7. Blanthorne, C., Kovar, S. E. & Fisher, D. G. (2007), Accounting educators' opinions about ethics in the curriculum. Issues in Accounting Education, 22 (3), 355-390.
8. Fatimah Abdullah (Editor) (2014) Islamic Ethics and Character Building, IIUM Press.
9. Kidwell, L. A., Fisher, D. G., Braun, R. L. & Swanson, D. L. (2013). Developing Learning Objectives for Accounting Ethics Using Bloom's Taxonomy. Accounting Education: An International Journal, 22(1), 44–65.
10. Madison, R. L. (2001). To what extent is ethics taught in the accounting programs in Ohio's colleges and universities? Ohio CPA Journal 60, (2), 39-42.
11. Mervyn K. Lewis, (2001). Islam and Accounting. Accounting Forum vol.25 no. 2 June 2001. Blackwell Publisher Ltd.



12. Muhammad Mumtaz Ali (2014) Issues in Islamization of Knowledge: Civilization Building Discourse of Contemporary Muslim Thinkers. Gombak: IIUM Press.
13. Rochania Ayu Yunanda & Norakma Abd. Majid (2011), The Contribution Of Islamic Ethics Towards Ethical Accounting Practices. Issues In Social and Environmental Accounting, Vol.5, No.1/2 December 2011, pp 124-137.
14. Russell, K. A. & Smith, C. S., (2003). It's time for a new curriculum. Strategic Finance. 85(6), 1-5.
15. Sidek Baba, Prof. Dato' Dr. (2015) Temubual di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia pada 1 Julai 2015.
16. Zaharah Hussin (2005) Masalah Pendidikan Universiti Malaya, Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam